




## ZULFAQAR International Journal of Defence Management, Social Science & Humanities

Journal homepage: [www.zulfaqar.upnm.edu.my](http://www.zulfaqar.upnm.edu.my)



### Islam dan Pembentukan Kepimpinan Berkualiti *Islam and the Formation of Quality Leadership*

Hasan Al-Banna Mohamed\*

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

\*Corresponding author: [hasanalbanna@upnm.edu.my](mailto:hasanalbanna@upnm.edu.my)

#### ARTICLE INFO

##### Article history:

Received  
06-10-15  
Received in revised  
29-10-15  
Accepted  
29-10-15  
Available online  
30-06-2018

##### Keywords:

Model Kepimpinan Islam,  
Nilai Tawhid,  
Jama'ah,  
Konsep Shura,  
Pendidikan Berterusan

*Islamic Leadership Model,  
Tawhid value,  
Jama'ah,  
The Concept of Shura,  
Continuous Education*

e-ISSN:

Type: Article

#### ABSTRAK

*Penekanan akhlak dan moral dalam pembentukan Model Kepimpinan Islam yang berkualiti adalah merupakan satu unsur yang penting. Model Kepimpinan Islam yang sering dibincangkan oleh para sarjana Muslim akan difokuskan dalam artikel ini agar dapat diaplikasikan oleh seseorang pemimpin yang ingin berjaya dalam kepimpinannya. Justeru, metodologi kajian ini menggunakan kaedah secara kualitatif yang membabitkan sorotan lepas serta kajian perpustakaan dengan dalil-dalil Naqli dan Aqli berkaitan dengan kepemimpinan Islam. Hasilnya, pengkaji mendapati bahawa prinsip-prinsip dalam Model Kepimpinan Islam yang menekankan akhlak dan moral meliputi: Nilai Tawhid, Syarat dan Ciri-ciri Pemimpin, Organisasi (Jama'ah), Konsep Shura, Subordinat (Pengikut), Pendidikan Berterusan dan Faktor Persekitaran. Di samping itu, artikel ini juga akan menyentuh berkenaan dengan cabaran dan langkah-langkah bagi melahirkan pemimpin yang menekankan aspek akhlak dan moral dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih akauntabiliti dan berkualiti seiring dengan ajaran yang telah disarankan oleh Islam.*

*The emphasis on values and moral is important in the formation of a first-class Islamic Leadership Model. The frequently discussed Islamic Leadership Model among Muslim scholars will be the focus of this article, so that it can be applied by leaders who aspire to be successful in his leadership. Thus, this research is of qualitative in nature whereby it involves literature reviews and library research supported by both Naqli and Aqli evidences related to Islamic Leadership. Based on the results, the researcher found that the principles of Islamic Leadership Model that emphasise on values and moral include; Tawhid [Values on the Unity of God], Conditions and Characteristics of a Leader, Jama'ah [Congregational], Shura Concept [Concept of Discussion], Subordination [Followers], Lifelong Learning and Environmental Factors. In addition, this article will also address the challenges and steps needed in order to produce leaders who accentuate the aspect of values and morality in carrying out their duties and responsibilities with greater accountability and quality in line with the teachings that Islam has recommended.*

© 2018 UPNM Press. All rights reserved.

## Pendahuluan

Pemimpin atau ketua merupakan perkara asas dalam sesebuah komuniti sama ada kecil ataupun besar. Konsep pemimpin dalam Islam ini telah bermula sejak penciptaan manusia lagi. Tatkala Allah SWT mencipta malaikat dan jin sebagai makhluk yang patuh kepada arahan-Nya, lalu diciptakan Nabi Adam AS dari segumpal tanah dan memerintahkan malaikat dan jin agar sembah sujud kepada Nabi Adam AS. Namun, bangsa jin yang berbangga dengan penciptaan mereka daripada api telah ingkar akan perintah Allah SWT dan tidak mahu sujud kepada Nabi Adam AS (Muhammad Nasri & Ab. Aziz, 2005).

Peristiwa ini dirakamkan sejarahnya oleh Kitab al-Qur'an dalam Surah al-Baqarah, ayat 30 yang bermaksud:

*“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu? Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.”*

Namun peristiwa iblis dimurkai Allah SWT akibat keengganan mematuhi arahan-Nya, telah membuatkan iblis mencari jalan untuk menipu kedua-duanya agar sama-sama mendapat kesusahan. Akhirnya, mereka bertiga diturunkan ke bumi dan sejak itu manusia menjadi pemimpin dunia atau dikenali sebagai khalifah.

## Definisi

### i. Kepimpinan

Kepimpinan merupakan sifat yang dilahirkan dalam diri seseorang pemimpin. Walaupun sesetengah sarjana menyatakan bahawa pemimpin tidak dapat dibentuk, namun seseorang yang dilahirkan di dunia sememangnya mempunyai sifat atau kemahiran memimpin. Cuma sifat dan kemahiran tersebut belum menonjol dan perlu digilap serta diasuh sehingga menjadi seorang pemimpin yang berkualiti dan efektif. Malah Rasulullah SAW sendiri melalui nasihat baginda kepada Abu Zar al-Ghifari berkenaan dengan hal ehwal kepimpinan dengan sabda yang bermaksud:

*“Sesungguhnya kepimpinan itu adalah satu amanah. Pada hari kiamat, ia merupakan kehinaan dan penyesalan kecuali bagi mereka yang menunaikan amanahnya dengan sempurna seperti yang telah dipertanggungjawabkan”* (Riwayat Imam Muslim).

Berdasarkan kefahaman hadis tersebut, tanggungjawab menjadi pemimpin bukanlah sebegitu mudah dan senang. Kepimpinan memerlukan suatu akauntabiliti dan tanggungjawab yang jitu untuk memimpin orang lain atau organisasi atau perkara yang lebih besar. Malah, tanggungjawab tersebut bukanlah satu bentuk harta warisan atau pusaka dari satu kaum kepada kaum yang lain (Abdullah & Ainon, 2003). Hal ini telah ditegaskan oleh Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 124 yang menyatakan bahawa keturunan Nabi Ibrahim AS tidak semestinya menjadi pemimpin secara langsung.

Di samping itu, Ibn Taimiyyah (1995) turut mengemukakan antara syarat utama bagi individu yang ingin menjadi pemimpin berkualiti ialah mempunyai 'al-Quwwah' (keupayaan mentadbir dan mengurus) serta 'al-Amin' (akauntabiliti dalam melaksanakan amanah) melalui Surah al-Qasas, ayat 26 yang bermaksud:

*“Sesungguhnya sebaik-baik orang yang kamu ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah.”*

Menurut Rafik Issa dan Jamal (1998) bahawa definisi kepimpinan dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori pertama, kepimpinan boleh diertikan sebagai:

*"The process by which the leader seek the voluntary participation of followers in an effort to reach organizational objectives".*

Berdasarkan definisi ini, jelas menunjukkan bahawa kepimpinan adalah satu proses pertukaran sosial yang sangat penting antara pemimpin dengan pengikutnya. Pemimpin mestilah mengkomunikasikan segala visi dan objektif organisasi kepada kalangan pengikutnya sebagai seorang jurulatih ataupun seorang model contoh. Malah pengikut pula perlu sanggup berubah secara sukarela tanpa dipaksa (Hisham al-Talib, 1992; Ahmad Ibrahim 1991). Hal ini ditegaskan dalam al-Qur'an melalui Surah al-Baqarah, ayat 256 yang bermaksud:

*"Tidak ada paksaan dalam beragama".*

Namun, konsep tiada paksaan yang dimaksudkan di atas lebih kepada perkara-perkara keagamaan yang telah ditetapkan. Jadi, isu penglibatan secara sukarela dalam hal-ehwal kepemimpinan harus dinilai semula disebabkan pemimpin yang dilihat berjaya dan berkesan adalah seorang yang berupaya mempengaruhi pengikutnya untuk melakukan sesuatu tindakan sehingga sempurnanya.

Manakala kategori kedua, definisi kepimpinan dilihat dari aspek proses rutin pemimpin yang berkaitan dengan konsep pengurusan (management). Menurut Rafik Issa dan Jamal (1998) bahawa kepimpinan dari kategori ini adalah sebagai:

*"The ability to persuade others to seek defined objectives enthusiastically".*

Hal ini menggambarkan bahawa seseorang ketua bukan hanya sekadar seorang pengurus, namun lebih dari itu (Nahavandi, 2000). Ia disebabkan seseorang pemimpin akan bersikap inovatif, suka kepada perkembangan, lebih tertumpu kepada aspek kemanusiaan serta menjalankan sesuatu kerja yang betul.

Jika disorot definisi kepimpinan yang dibawa oleh fahaman Barat dan perspektif Islam, terdapat dua jenis takrifan yang membezakan antara keduanya. Antara sarjana Barat yang mengemukakan definisi kepimpinan ialah:

*"The influencing process of leaders & followers to achieve organizational objective through change".* (Lussier & Achua, 2007)

Berdasarkan definisi tersebut, kepimpinan merupakan satu usaha untuk mempengaruhi orang lain melakukan sesuatu demi mencapai sesuatu objektif yang ditetapkan (Dubrin et al, 2006). Ia juga adalah tingkah laku seseorang individu yang mengarah aktiviti kumpulan bagi mencapai matlamat yang dikongsi bersama (Block, 1993). Menurut Razali (1996) dalam Ishak Mad Shah (2006) bahawa sesetengah sarjana Barat seperti Gordon, Fred Fiedler, Stoner dan Hollander turut menyatakan bahawa kepimpinan sebagai satu seni menyusun hubungan antara individu dengan kumpulan lain ke arah pencapaian matlamat. Malah ia amat berkaitan dengan konsep perubahan (Carnall, 2003), konsep kuasa dan proses mempengaruhi secara berterusan (Naylor, 2004) serta keupayaan memujuk dan memberi kepuasan kepada pengikutnya (Carnall, 2003). Namun menurut Shriberg et al. (2005) bahawa perkara yang menjadi keutamaan ialah elemen akhlak, moral dan etika pemimpin itu sendiri yang memberi kesan langsung kepada sistem organisasi. Sekiranya seseorang itu peka dengan elemen dan dimensi tersebut, nescaya pemimpin menjadi yang terbaik.

Manakala Islam pula melihat kepimpinan sebagai peranan seseorang individu yang Mukallaf (dipertanggungjawab dengan perintah untuk melaksanakan tuntutan Islam serta menjauhi segala larangan Allah SWT), sudahpun mencapai usia dewasa dan berakal, serta telah sampai seruan syariat Islam kepadanya (Khalid, 2008). Menurut Mohd Ali Hashim bahawa pemimpin Islam bukan sekadar dapat mempengaruhi pihak lain, tetapi yang lebih utama mendaulatkan sistem kehidupan

Islam dalam organisasi bersesuaian dengan al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah SAW. Kepimpinan dalam Islam berfokuskan kepada aktiviti menggerakkan anggota organisasi secara sukarela dan bersifat terbuka, lebih tumpuan kepada konsep persaudaraan serta hubungan kemanusiaan untuk mencapai matlamat organisasi (Ahmad Zabidi, 2005). Hal ini selaras dengan tuntutan Allah SWT terhadap hamba-hamba-Nya dalam Surah al-Hujurat, ayat 10 yang bermaksud:

*"Sesungguhnya setiap orang mukmin itu adalah bersaudara."*

## ii. Istilah-Istilah Berkaitan Kepimpinan

Islam sering mengaitkan konsep kepimpinan dengan beberapa istilah yang disebutkan dalam pelbagai sumber disiplin ilmu Islam sama ada dalam al-Qur'an, Hadis serta buku-buku rujukan dan sebagainya. Antaranya ialah:

### a. Khalifah:

- Secara istilahnya bermaksud: pengganti bagi kepemimpinan Rasulullah SAW. Ayat Khalifah adalah sama dengan perkataan khalifun (belakang). Hal ini memberi maksud bahawa seseorang pemimpin atau ketua bukan sahaja harus mempersiapkan generasi pemimpin penggantinya, malah perlu menyambung kepemimpinan sebelumnya selaras dengan ajaran Allah SAW dan Rasul-Nya.
- Menurut Abd Aziz (2006), Khalifah diertikan sebagai menguasai, memerintah dan mengurus. Ia bermaksud manusia diberi mandat oleh Allah SWT untuk mengurus segala sumber yang terdapat di bumi. Manakala Ibn Khaldun menyatakan bahawa istilah Khalifah bermaksud menyiapkan aspek kepemimpinan untuk seterusnya agar bersesuaian dengan perundangan Shari'ah Islam demi kepentingan dunia dan akhirat.

### b. Imamah:

- Ertinya seorang pemimpin yang sentiasa berada di hadapan. Perkataan 'Imam' adalah sama dengan kata 'Amam' (di hadapan). Ia dikaitkan dengan maksud kepimpinan umum dalam urusan-urusan dunia dan agama.
- Imam merupakan pemimpin yang berfungsi sebagai seorang yang diteladani dan menjadi contoh bagi membimbing orang-orang yang dipimpinnya. Imam al-Baidawi menyatakan perkataan Imamah digunakan bagi seseorang yang menggantikan rasul dalam melaksanakan undang-undang Shara' dan menjaga batasan agama yang wajib diikuti oleh sekumpulan umat. Manakala menurut Imam Ibn Qayyim pula, maksud imam adalah Ma'mum. Hal ini demikian kerana seseorang pemimpin bukan hanya mampu menjadi imam, malah ia juga seharusnya bersedia untuk menjadi Ma'mum (pengikut).

### c. Za'amah:

- Maksudnya seorang penjamin terhadap orang lain.

### d. Qiyadah:

- Orang yang dilantik untuk memegang sesuatu teraju kepimpinan dan urusan pentadbiran awam.

### e. Ri'asah:

- Bermaksud 'Keketuaan'.

### f. Ri'ayah:

- Maksud asal Ri'ayah adalah menggembala, memelihara, mengarahkan dan menjaga orang-orang yang dipimpinnya (ra'iyyah). Ia dikaitkan dengan pemelihara ataupun penjaga hak, harta dan seumpamanya.

### g. Amir:

- Bermaksud pemerintah. Perkataan Amir juga bererti Ma'mur (yang diperintah). Ia bererti seseorang pemimpin selain menjalankan fungsi-fungsi pemerintahan, ia juga

perlu sedia diperintah oleh rakyatnya dalam hal yang berkaitan kemaslahatan atau kebajikan semua.

h. Waliyyul Amri:

- Berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa', ayat 59 yang bermaksud: 'Taatlah kamu kepada Allah dan taatilah kamu kepada Rasul dan Ulil Amri kalangan kamu'.

i. Al-Malik:

- Menurut Ibn Khaldun dalam bukunya al-Muqaddimah bahawa pemimpin dipanggil al-Malik kerana ia memiliki hal ehwal rakyat jelata serta bersandarkan beberapa firman Allah SWT seperti dalam Surah al-Baqarah, ayat 247 dan Surah al-Ma'idah, ayat 20.

### iii. Akhlak Dan Moral/Etika

Perkataan akhlak segi bahasa ialah maruah, agama, sifat dan tabiat. Menurut Muhammad Uthman El-Muhammady dalam bukunya 'Akhlak Dalam Islam' menyatakan bahawa asal perkataan Akhlak dari 'Khalq' (kejadian insan yang indah binaan jasad dan anggotanya). Manakala keadaan rohaninya pula berada dalam keadaan yang sebaik-baiknya yang dikenali 'Khuluq' (perkataan jamak/pluralnya Akhlak).

Abu 'Urwah (2004) menjelaskan bahawa Abdul Karim Zaidan telah mendefinisikan akhlak sebagai kumpulan sifat yang bersemadi di dalam jiwa dan berdasarkan dorongan dan pertimbangan sifat tersebut, sesuatu tingkah laku dianggap baik atau buruk. Malah, istilah akhlak adalah bersifat Rabbani (ketuhanan) kerana bersumberkan daripada Allah SWT dengan berdasarkan mafhum ayat 4 dari Surah al-Qalam.

Justeru, akhlak Islam terdiri daripada tiga teras utama yang saling berkaitan dan bersatu untuk melahirkan tingkah laku yang sempurna. Teras akhlak Islam tersebut iaitu pertamanya adalah jujur (ikhlas) yang bersumberkan dalil dalam al-Qur'an dari Surah al-Zumar, ayat 2-3 dan 14; Surah al-Mukmin, ayat 14. Kedua ialah benar (Siddiq) menerusi dalil dalam Surah al-Tawbah, ayat 119; Surah Muhammad, ayat 21; al-Ahzab, ayat 8. Ketiga ialah sifat sabar seperti yang dinyatakan dalam Surah Ali-'Imran, ayat 200; Surah al-Nahl, ayat 126 dan Surah al-Anfal, ayat 46.

Menurut Imam al-Ghazali dalam bukunya 'Bimbingan Mukminin' menyatakan bahawa terdapat empat asas akhlak yang perlu dilengkapkan oleh setiap individu agar membentuk akhlak yang mulia, iaitu: Pertama adalah bijaksana (Hikmah) yang dapat membezakan yang benar daripada salah dalam semua urusan; keduanya sifat keberanian (Saja'ah) yang dapat menahan marah dengan dituntun oleh akal yang sihat; ketiga: kebersihan jiwa (Iffah) yang dapat menahan kemahuan nafsu dengan mendidiknya agar tunduk kepada petunjuk akal dan Shara'. Manakala asas keempat ialah keadilan ('Adl) merupakan satu kekuatan jiwa yang dapat mengatasi sifat marah dan kemahuan nafsu serta membimbingnya ke arah bijaksana.

Manakala istilah moral atau etika mempunyai sedikit perbezaan dari segi nilai dan falsafahnya. Perkataan moral berasal daripada istilah Latin iaitu 'Mores' sebagai gabungan daripada amalan-amalan sosial kelompok yang bergantung kepada evolusi sosial yang dilalui oleh kelompok tersebut. Ia dianggap satu piawaian individu atau kumpulan tertentu dalam menentukan sesuatu itu betul atau salah, baik atau jahat (Velasquez, 2006).

Maksud etika menurut Mohd Janib (2007) berasal dari istilah Yunani iaitu 'Ethos' yang bererti adat resam dan kebiasaan yang dimiliki oleh kumpulan-kumpulan tertentu yang membezakannya dengan yang lain. Etika terbentuk hasil daripada pengalaman yang dilalui oleh seseorang individu yang memerlukan penumpuan intelek dan falsafah yang tinggi. Oleh itu etika

dan moral hanya bersumberkan akal manusia serta nilai-nilai yang mampu dijangkakan olehnya sahaja (Abu Urwah, 2004).

### **Dalil Konsep Kepimpinan Islam**

Menurut Imam Ibn al-Taimiyyah (1995) dan Imam al-Mawardi bahawa hukum menjadi dan melantik pemimpin adalah wajib. Khalid (2008) turut menjelaskan bahawa kewajipan melantik pemimpin adalah bertujuan menjaga urusan agama, kehidupan umat Islam, menyekat keganasan musuh, membantu orang yang dizalimi, meletakkan sesuatu pada haknya; demi menjaga keamanan negara dan keselamatan rakyat.

Antara bukti-bukti dan dalil-dalil Naqli dan Ijma' para sahabat Rasulullah SAW yang membincangkan tentang konsep kepimpinan dalam Islam adalah:

#### **i. Al-Qur'an:**

- a. Surah al-'Araf, ayat 142, bermaksud:  
"Dan berkatalah nabi Musa kepada saudaranya nabi Harun (semasa keluar menerima Taurat) gantikanlah aku dalam (urusan memimpin) kaum aku, janganlah kamu mengikut jalan orang-orang yang melakukan kerosakan".
- b. Surah al-Baqarah, ayat 124, bermaksud:  
"Allah telah berfirman: Sesungguhnya Aku melantik kamu menjadi imam (pemimpin ikutan) bagi umat manusia. Nabi Ibrahim pun memohon dengan berkata: (Ya Tuhanku) jadikanlah juga dari keturunanku (pemimpin-pemimpin ikutan). Allah berfirman: (Permohonanmu diterima, tetapi) janji-Ku ini tidak akan didapati oleh orang-orang yang zalim".
- c. Surah al-Nisa', ayat 59, bermaksud:  
"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah, dan taatlah kamu kepada Rasul dan Ulil Amri (pemerintah) dari kalangan kamu".
- d. Surah al-Sad, ayat 26, bermaksud:  
"Wahai Nabi Daud, Sesungguhnya Kami jadikan kamu sebagai Khalifah di bumi. Maka hukumkan antara manusia dengan kebenaran dan janganlah kamu mengikut hawa nafsu nescaya kamu akan sesat daripada jalan Allah".

Selain ayat-ayat di atas, beberapa ayat lain turut membincangkan tentang konsep kepimpinan ini termasuklah dari Surah al-An'am, ayat 165; Surah al-Sajdah, ayat 24; Surah al-Baqarah, ayat 257; Surah Yusuf, ayat 72 dan Surah al-Maidah, ayat 49.

#### **ii. Hadis Rasulullah SAW:**

Konsep kepimpinan juga turut dijelaskan oleh sumber kedua Islam iaitu hadis Rasulullah SAW, antaranya:

- a. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim RA: Daripada Abdullah ibn Umar RA. Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

*"Tiap-tiap seorang dari kamu adalah pemimpin dan akan diminta bertanggungjawab kepada orang-orang yang berada di bawah jagaannya. Seorang ketua negara bertanggungjawab terhadap rakyatnya dan akan disoal oleh Allah akan kepimpinannya. Seorang lelaki bertanggungjawab terhadap ahli keluarganya dan akan disoal terhadapnya. Seorang isteri bertanggungjawab ke atas rumah suaminya serta anaknya dan akan disoal berkenaan tanggungjawabnya; begitu juga seorang hamba bertanggungjawab kepada harta majikannya dan akan disoal*

*berkenaan. Oleh itu, setiap kamu adalah pemimpin, dan kamu bertanggungjawab kepada orang yang dipimpinnya.”*

- b. Hadis riwayat Abu Said dan Abu Hurairah RA yang bermaksud: ‘Apabila tiga orang keluar bermusafir, maka hendaklah mereka melantik seorang daripada mereka sebagai ketua (Amir)’.
- c. Hadis riwayat Imam Bukhari daripada Anas RA yang bermaksud: ‘Patuh dan taatlah kepada pemimpinmu, walaupun yang memerintahmu itu seorang lelaki hitam berambut kerinting’.

Justeru, kepentingan melantik seseorang pemimpin beserta tanggungjawabnya yang sangat berat telah menjadi agenda utama bagi Rasulullah SAW agar umatnya sentiasa menitikberatkan urusan kepimpinan negara pada setiap masa.

### **iii. Ijma’ Sahabat:**

Peristiwa perlantikan pemimpin selepas Rasulullah SAW merupakan satu keperluan yang penting bagi memastikan umat Islam tidak berpecah dan berada dalam kebejatan moral yang teruk. Sejarah merakamkan bahawa tatkala jenazah Rasulullah SAW masih belum dikuburkan, para sahabat telah berkumpul di Saqifah Bani Sa’idah bagi membincangkan tentang pengganti rasul sebagai pemimpin negara selama tiga hari (Muhamed S. El-Awa, 1991). Hal ini demikian kerana kewajipan melantik atau mengangkat pemimpin Islam amat tinggi nilainya berbanding dengan hal-hal lain. Tambahan pula, menurut Muhamed (1991) bahawa Imam Ibn Hazm al-Zuhri pernah mengatakan iaitu seluruh Ahli Sunnah dan golongan Islam telah bersepakat tentang hukum wajib dilantik seorang khalifah. Manakala umat Islam pula wajib taat kepada seorang pemimpin yang adil, menegakkan Shari’ah Allah SWT dan mampu mengatur segala urusan berdasarkan al-Qur’an dan Sunnah Rasulullah SAW.

### **iv. Akhlak Mahmudah:**

Seseorang pemimpin semestinya perlu memiliki akhlak dan moral yang tinggi bagi memastikan kepimpinannya dihargai oleh para pengikutnya. Sehubungan itu, banyak terdapat ayat-ayat al-Qur’an yang membicarakan tentang keperluan akhlak Mahmudah bagi seseorang yang ingin menjadi pemimpin.

Antara dali-dalil al-Qur’an yang membincangkan akhlak Mahmudah adalah seperti berikut:

- a. Surah al-Tawbah, ayat 112, bermaksud:  
*“(Mereka itu ialah) Orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang mengembara (untuk menuntut ilmu dan mengembangkan Islam), yang rukuk, yang sujud, yang menyuruh berbuat kebaikan dan yang melarang daripada kejahatan, serta yang menjaga batas-batas hukum Allah dan gembirakanlah orang yang beriman (yang bersifat sedemikian).”*
- b. Surah al-Anfal, ayat 2-4, bermaksud:  
*“Sesungguhnya orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifat-Nya) gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. Iaitu orang yang mendirikan sembahyang dan mendermakan sebahagian dari yang Kami kurniakan kepada mereka. Merekalah orang yang beriman dengan sebenarnya. Mereka akan mendapat pangkat-pangkat yang tinggi di sisi Tuhan mereka dan keampunan serta limpah kurnia yang mulia (di Syurga).”*
- c. Surah al-Maidah, ayat 54-56, bermaksud:  
*“Wahai orang yang beriman! Sesiapa antara kamu berpaling tadah dari agamanya (jadi murtad), maka Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Dia*

*kasihkan mereka dan mereka juga kasihkan Dia; mereka pula bersifat lemah-lembut terhadap orang-orang yang beriman dan berlaku tegas gagah terhadap orang-orang kafir, mereka berjuang dengan bersungguh-sungguh pada jalan Allah dan mereka tidak takut kepada celaan orang yang mencela. Yang demikian itu adalah limpah kurnia Allah yang diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; kerana Allah Maha Luas limpah kurnia-Nya, lagi Meliputi Pengetahuan-Nya. Sesungguhnya penolong kamu hanyalah Allah dan Rasul-Nya, serta orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah). Dan sesiapa yang menjadikan Allah dan Rasul-Nya serta orang yang beriman itu penolongnya (maka berjayalah dia), kerana sesungguhnya golongan (yang berpegang kepada agama) Allah, itulah yang tetap menang.”*

Selain daripada dalil-dalil di atas yang berkaitan secara langsung dengan penjelasan tentang sifat-sifat dan Akhlak Islamiyyah, wujud beberapa ayat al-Qur’an lain yang turut membincangkan persoalan ini seperti Surah al-Hujurat, ayat 15; Surah al-Furqan, ayat 63–77 dan Surah al-Mukminun, ayat 1–11. Secara keseluruhan daripada pengertian ayat-ayat tersebut menunjukkan bahawa Akhlak Mahmudah adalah elemen penting bagi seseorang yang ingin menjadi pemimpin atau ketua pada masa hadapan.

### **Kepentingan Kepimpinan Islam**

Konsep kepimpinan dalam Islam amat penting kerana ia berperanan sebagai penjaga amanah bagi memakmurkan bumi ini berlandaskan syariat Allah SWT. Malah, tugas memimpin ini juga adalah merupakan warisan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh para nabi dan rasul. Setiap umat manusia bertanggungjawab untuk menyambung tugas para pemimpin terdahulu agar segala yang dirancang dapat diaplikasikan dengan sempurna. Di samping itu, semua pemimpin Islam seharusnya apabila mereka dilantik menjadi pemimpin, perlu membuktikan bahawa mereka sentiasa patuh dan bertaqwa kepada perintah Allah SWT serta tidak ingkar dan lupa tentang kewajipan mereka (Shaharom, 1999). Tambahan lagi, mereka perlu memastikan segala kepentingan Ummah adalah terjamin.

Di samping itu, segala tindak tanduk seorang pemimpin bukan hanya untuk mendapat ganjaran di dunia sahaja, tetapi sebenarnya mempunyai tuntutan agama dan moral dalam usaha mendekati diri kepada Allah SWT. Justeru, segala tingkah laku yang bersandarkan nilai agama dan moral pasti diberkati dan dikira sebagai ibadat sama ada khusus atau umum demi meningkatkan mutu profesionalisme seseorang pemimpin (Shaharom, 1999).

Kepimpinan ini juga sangat penting kerana melambangkan jatuh dan bangunnya sesebuah organisasi. Kehebatan organisasi adalah berkadar langsung dengan kemampuan seseorang pemimpinnya. Jika pimpinan tiada mempunyai nilai dan akhlak yang tinggi, nescaya integriti dan imej organisasi berkenaan akan terjejas. Sekaligus boleh menyebabkan para pekerja tidak senang hati lalu berhenti kerja.

### **Model Kepimpinan Islam**

Prinsip-prinsip dalam Model Kepimpinan Islam yang dibincangkan oleh penulis dalam artikel ini adalah meliputi beberapa aspek utama. Perkara ini dikupas hasil pengamatan penulis daripada sorotan kajian-kajian lepas dan juga kajian perpustakaan terhadap aspek terpenting dalam kepemimpinan Islam pada masa kini. Menerusi hasil analisis terhadap kategori sorotan kajian tersebut, penulis mengfokuskan pertamanya kepada aspek-aspek kepemimpinan Islam, keduanya kepemimpinan konvensional dari Barat ataupun Timur dan akhirnya berkenaan dengan isu-isu asas kepemimpinan Islam yang diambil daripada sumber asas Islam dan juga dapatan-dapatan kajian konvensional terkini. Justeru, penulis mendapati terdapat tujuh aspek utama yang sering dikaitkan dengan model kepemimpinan Islam yang cemerlang meliputi: Nilai Tawhid, Syarat dan Ciri-ciri Pemimpin, Organisasi (Jama’ah), Konsep Shura, Subordinat (Pengikut), Pendidikan Berterusan dan Faktor Persekitaran.



## **i. Nilai Tawhid**

Asas utama dalam Model Kepimpinan Islam ialah seseorang pemimpin atau ketua mesti mempunyai nilai akhlak yang tinggi dan bermoral dengan berprinsipkan asas rukun Islam dan rukun Iman. Oleh itu, menurut Zainuddin dan Zaidatul Hidayah (2007) bahawa pemimpin Islam mestilah beraqidah atau bertauhidkan ajaran Islam seperti yang diajar oleh Rasulullah SAW.

Kepimpinan Islam yang berprinsipkan kepada Tawhid kepada pencipta iaitu keimanan dan kesedaran bahawa Allah SWT adalah wujud sebagai pencipta, penguasa dan tuhan yang wajib disembah (Mohd Yusof Noor, 1990). Dalam Islam, ia dikenali sebagai Tawhid Uluhiyyah dan Tawhid Rububiyah. Di samping itu, pemimpin Islam seharusnya melaksanakan segala tindakan dengan sebaik mungkin berasaskan panduan al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah SAW, serta menegakkan kebenaran, berlaku adil dengan semua pihak dan menjalankan mesyuarat (Shura) bagi membuat sebarang keputusan. Justeru, sekiranya seseorang berpegang teguh dengan Aqidah Islamiyyah, nescaya masyarakat dapat hidup dengan aman dan tenteram.

Allah SWT telah berfirman dalam Surah al-Nisa', ayat 14 bermaksud:

*"Dan sesiapa yang derhaka kepada Allah dan rasul-Nya dan melanggar peraturan-peraturan Allah, nescaya dimasukkannya ke dalam neraka. Tetap di dalamnya dan mereka beroleh seksaan yang hina."*

Oleh itu, antara matlamat asal dalam membuat reformasi kepimpinan Islam seperti yang disarankan oleh Imam Abu A'la al-Maududi adalah membersihkan dunia dengan kepimpinan yang tidak berakhlak atau bermoral dengan digantikan oleh kepimpinan yang bersih. Jika dibiarkan, masyarakat amnya tidak akan terbela serta keharmonian antara masyarakat sukar diwujudkan. Menurut al-Maududi lagi, pemimpin yang baik dapat melahirkan kebajikan kepada seluruh masyarakat serta sebarang kejahatan tidak lagi dapat dikembangkan sekalipun tidak musnah secara total.

Selain itu, aspek akhlak dan moral mengikut pandangan Imam al-Maududi terbahagi kepada dua jenis iaitu pertamanya Akhlak Asasiyyah atau Insaniyah, Kedua: Akhlak Islamiyyah. Jika kita menyorot Sirah Rasulullah SAW, Baginda berupaya membawa dakwah kepada kalangan penduduk Tanah Arab disebabkan mempunyai akhlak yang tinggi sehingga digelar al-Amin (sangat jujur). 'Dan Sesungguhnya kamu (Muhammad SAW) mempunyai akhlak yang tinggi'. 'Sesungguhnya aku (Muhammad SAW) dibangkitkan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia'. Kemudian setelah datangnya Islam, Akhlak Asasiyyah atau Insaniyah dijadikan sebagai asas pertama bagi sesuatu tindakan. Seterusnya diikuti dengan Akhlak Islamiyyah yang membawa manusia ke peringkat kemuncak kemuliaan. Dasar Akhlak Islamiyyah ini perlu dihiasi dengan ketaqwaan dan ketauhidan kepada Allah SWT.

Sehubungan itu, al-Qur'an turut menegaskan bahawa seseorang atau sekumpulan manusia yang mempunyai kekuatan dan kemantapan Akhlak Asasiyyah dan juga Islamiyyah akan pasti menjadi pemimpin berkualiti berbanding golongan yang hanya mempunyai Akhlak Insaniyah atau kekuatan material semata-mata. Hal ini dinyatakan dalam Surah al-Anfal, ayat 65 yang bermaksud:

*"Jika ada antara kamu dua puluh orang yang sabar, nescaya mereka dapat menewaskan dua ratus orang (dari pihak musuh yang kafir itu) dan jika ada antara kamu seratus orang, nescaya mereka dapat menewaskan seribu orang dari golongan yang kafir, disebabkan mereka (yang kafir itu) orang-orang yang tidak mengerti."*

Tuntasnya Akhlak Islamiyyah dibentuk berdasarkan empat tahap yang saling berkaitan antara satu sama lain dan tersusun secara hierarki (Mutawatir). Peringkat hierarki Akhlak Islamiyyah tersebut ialah (1) Iman; (2) Islam; (3) Taqwa; (4) Ihsan.

## **ii. Syarat dan Ciri-ciri Pemimpin**

Menurut Harussani bahawa terdapat enam syarat atau ciri-ciri asas yang perlu dipatuhi untuk menjadi seorang pemimpin Islam yang berkesan iaitu: (1) Mestilah beragama Islam (2) Berilmu pengetahuan dan mampu berjihad (3) Adil (4) Keberanian bertindak dan mahir dalam pentadbiran (5) Tidak cacat anggota tubuh badan (6) Seorang lelaki.

Manakala dalam buku 'Al-Ahkam As-Sultaniyyah' karangan Imam al-Mawardi pula menetapkan syarat menjadi pemimpin atau ketua ialah: (1) Bersifat adil (2) Tahap ilmu yang tinggi (mampu berjihad) (3) Sempurna anggota dan pancaindera (pendengaran, penglihatan, pertuturan) (4) Pengalaman politik yang luas (5) Keberanian dan ketabahan (6) Pengaruh yang kuat sama ada melalui keturunan dan ketokohan (7) Berbangsa dan keturunan Quraisy.

Ibn Khaldun hanyalah meletakkan empat syarat sahaja untuk menjadi khalifah iaitu: (1) memiliki ilmu pengetahuan dan mampu berjihad (2) keadilan (3) sanggup dan berani serta mengetahui hal-ehwal politik (4) sejahtera pancaindera dan anggota badan. Adapun, al-Mawardi meletakkan syarat untuk menjadi pemimpin adalah seorang Muslim (Surah al-Nisa', ayat 59) dan bertaqwa (al-Hujurat, ayat 13); lelaki (al-Nisa', ayat 34); baligh (cukup umur) dan waras (al-Nisa', ayat 5) dan seorang warganegara (al-Anfal, ayat 72) (Ihsan, 1987). Menurut Azman (2003) pula menjelaskan sifat kepimpinan Islam yang berjaya adalah berpandukan kepada sifat Rasulullah SAW yang wajib dijadikan panduan iaitu al-Amin (jujur memegang amanah), Siddiq (benar dalam menegakkan kebenaran dan menentang kemungkaran), Fathonah (kecerdasan akal berpandukan wahyu) dan Tabligh (menyampaikan segala perintah dan larangan Allah SWT).

Manakala Khalid (2008) menegaskan bahawa pemimpin perlu memenuhi beberapa syarat kelayakan iaitu Mukallaf (Surah Ali-'Imran, ayat 28), lelaki (Hadis daripada Aisyah RA yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Daud, al-Nasaie, Ibn Majah), seorang yang adil (Surah al-Nahl, 90; al-Nisa', 58 dan 135), berilmu pengetahuan, keupayaan berpolitik, merdeka dan kesempurnaan pancaindera dan anggota badan. Selain itu, Abdul Rashid Moten (2001) menambah ciri-ciri pemimpin Islam ialah bersifat Warak (komitmen tinggi terhadap kehendak ajaran Islam), berilmu untuk memahami tuntutan agama dan kehendak semasa, berkemampuan dan berkebolehan melaksanakan tugas pentadbiran, adil serta penyayang. Adapun Wahbah Zuhaili (2001) pula memberi penekanan terhadap akhlak-akhlak dan moral bagi melahirkan pemimpin Islam yang berkualiti. Mohamad Tajuddin et al. (2002) telah menyenarai pendek sebanyak 37 nilai-nilai utama yang perlu ada bagi seseorang pemimpin berasaskan semangat Sunnah Rasulullah SAW dan sirah para sahabat Baginda. Antara nilai-nilai murni pemimpin tersebut ialah amanah, adil terhadap musuh, belas, kasihan, sedia menerima teguran, rendah diri, berperikemanusiaan dan sebagainya.

### iii. Organisasi (Jama'ah)

Istilah Jama'ah ini adalah merujuk maksudnya kepada satu kumpulan yang tunduk kepada pemimpin. Malah konsep organisasi telahpun diperkenalkan oleh junjungan Nabi Muhammad SAW tatkala sebelum berhijrah ke Yathrib (Madinah) lagi dengan mengadakan Bai'ah (perjanjian setia) dengan ahli-ahli penduduk Madinah. Rasulullah SAW telah dibai'ahkan semasa Bai'ah Pertama dan Kedua oleh kumpulan orang-orang Madinah sebagai permulaan kepada konsep kepimpinan negara Islam pertama. Selepas tiba di Madinah pula, Baginda SAW telah mempersaudarakan antara kaum Aus dan Khazraj yang sebelum ini sering bertelagah antara satu sama lain. Konsep persaudaraan ini menerusi satu Jama'ah atau organisasi dapat melahirkan kesan yang positif kepada umat manusia serta kepimpinannya.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Fath, ayat 10. Maksudnya:

*"Sesungguhnya orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad, untuk berjuang menentang musuh), mereka sebenarnya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah; Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk membalasnya). Oleh itu, sesiapa yang tidak menyempurnakan janji setianya maka bahaya tidak menyempurnakan itu hanya menimpa dirinya dan sesiapa*

*yang menyempurnakan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah, maka Allah akan memberi kepadanya pahala yang besar.”*

Begitu juga dalam Surah al-Mumtahanah, ayat 12 yang menceritakan tentang perjanjian taat setia (Bai'ah) dari sekumpulan manusia kepada Rasulullah SAW sebelum dilantik menjadi pemimpin Islam pertama di Madinah al-Munawwarah. Malah Rasulullah SAW sendiri menegaskan melalui sabdanya yang bermaksud: 'Hendaklah kamu berada dalam Jama'ah kerana sesungguhnya Jama'ah itu adalah rahmat. Sedangkan perpecahan itu merupakan satu seksaan' (Riwayat Imam Muslim).

Menurut Mustafa Masyhur (1987), antara tujuan Jama'ah atau organisasi itu diwujudkan ialah untuk mengembalikan ahli-ahlinya kepada kefahaman yang betul. Melalui Sunnah juga, amalan berjama'ah dalam Islam sangat dititikberatkan terutamanya dalam ibadat solat. Di samping itu, keputusan yang dibuat secara kolektif atau berjama'ah juga menghasilkan satu keputusan yang baik dan memuaskan hati semua pihak. Tuntasnya kepentingan berorganisasi atau berjama'ah merupakan suatu keperluan yang sangat ditekankan oleh Rasulullah SAW.

Malah, ramai sarjana menjelaskan bahawa pada alaf ke-21 ini kebanyakan organisasi dibentuk dalam konsep yang lebih bebas terbuka dengan berfokuskan kepada para pemimpinnya yang perlu mempunyai kebolehan dan kepakaran dalam melakukan sebarang tugas (Mumtaz Begam, 2002). Oleh yang demikian, sesuatu tanggungjawab yang diamanahkan akan dapat dilaksanakan sebaik mungkin apabila seseorang pemimpin itu mengamalkan konsep secara berjama'ah.

#### **iv. Konsep Shura**

Istilah Shura yang bermaksud merujuk kepada perbincangan dan permesyuaratan untuk menyelesaikan sesuatu masalah (Muhammad al-Buraey, 1985). Dalam Islam, sesuatu keputusan atau aktiviti yang hendak dilaksanakan sebaiknya perlu dibuat rundingan atau mesyuarat secara kolektif (Zainuddin & Zaidatul Hidayah, 2007). Oleh itu, konsep tersebut dikenali sebagai Shura (bermesyuarat atau berbincang) atau kerja berpasukan (Wan Liz Ozman, 1996). Islam menggalakkan umatnya untuk membuat keputusan secara berhati-hati melalui mesyuarat bersama. Bahkan menurut Muhamed (1991) bahawa Sheikh Muhammad Abduh telah menyatakan berkaitan dengan perundingan bersama tersebut adalah salah satu ciri yang sangat dipuji oleh Allah SWT. Malah pemimpin yang mampu mendorong ahli pasukan atau anggota organisasinya mencapai sesuatu matlamat adalah pemimpin berkualiti (Ahmad Fadzli, 2007). Jika kita menyelusuri sejarah Rasulullah SAW dan para sahabatnya, konsep Shura ini pasti diaplikasikan dalam membuat sebarang keputusan yang kecil mahupun yang besar seperti konsep pentadbiran bernegara, perlantikan Khalifah ataupun strategi peperangan (Muhammad Asad, 1987).

Konsep Shura atau bermesyuarat ini turut diperintahkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam Surah Ali-'Imran, ayat 159 bermaksud:

*“...dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan soal-soal keduniaan itu). Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya.”*

Firman Allah SWT lagi dalam Surah al-Shura, ayat 38 bermaksud:

*“Dan (bagi) orang-orang yang menerima (mematuhi) seruan Tuhannya dan mendirikan solat, sedangkan urusan mereka (diputuskan) dengan bermesyuarat antara mereka; dan mereka menafkahkan sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.”*

## v. Subordinat (Pengikut)

Menurut Yusof (2004) bahwa seseorang anggota organisasi atau pengikut (subordinat) mempunyai tanggungjawab tertentu dalam konteks kepemimpinan Islam. Antara tanggungjawabnya adalah:

- a. Setiap pengikut atau rakyat wajib mentaati pemimpinnya secara kebenaran.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Nur, ayat 51 bermaksud:

*“Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang yang beriman ketika mereka diajak kepada Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu antara mereka, hanyalah mereka berkata: Kami dengar dan kami taat, dan mereka itulah orang yang beroleh kejayaan.”*

Begitu juga firman Allah SWT lagi dalam Surah al-Anfal, ayat 20 bermaksud:

*“Wahai orang yang beriman, taatilah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan janganlah kamu berpaling daripadanya, sedang kamu mendengar (al-Qur’an yang mewajibkan taatnya).”*

- b. Pengikut-pengikut organisasi seharusnya memberikan kerjasama yang jitu kepada pemimpinnya agar dapat melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. Hal ini ditekankan melalui ajaran al-Qur’an dalam Surah al-Maidah, ayat 2 bermaksud:

*“Dan hendaklah kamu bekerjasama dalam mengerjakan kebaikan dan bertaqwa (memelihara diri dari kejahatan). Dan janganlah pula bantu-membantu dalam mengerjakan dosa dan permusuhan (pelanggaran hukum), dan taatilah Allah. Sesungguhnya Allah itu sangat keras seksaan-Nya.”*

- c. Pengikut juga seharusnya melaksanakan amanah yang dipikul dan bekerja demi organisasi dan pemimpinnya dalam batas kemampuannya. Hal ini telah disarankan oleh Islam terhadap umatnya melalui Surah al-Baqarah, ayat 286 yang bermaksud: ‘Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Dia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan dia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata):

*“Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! janganlah Engkau bebaskan kepada kami bebanan yang berat seperti Engkau telah bebaskan kepada orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami sesuatu yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami. Oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum yang kafir.”*

Secara umumnya, seseorang pemimpin yang berkualiti seharusnya mempunyai pengikut atau subordinat yang baik (Dubrin et al., 2006). Gaya kepemimpinan seseorang ketua tidak berkesan sekiranya para pengikut terus menerus menentang atau enggan mematuhi segala arahan yang dikeluarkan oleh pemimpin tersebut (Abdullah & Ainon, 2003). Maka sekiranya berlaku, sesebuah organisasi atau negara tidak akan dapat ditadbir dengan sempurna.

## vi. Pendidikan Berterusan

Ajaran Islam diturunkan melalui wahyu pertamanya adalah berkonsepkan kewajipan menuntut ilmu pengetahuan melalui Surah al-‘Alaq, ayat 1-5. Oleh itu, segala ajaran Islam sangat mementingkan tuntutan ilmu sama ada berbentuk ilmu keagamaan ataupun disiplin ilmu-ilmu akademik yang lain.

Rasulullah SAW sangat menganjurkan umatnya mempelajari ilmu pengetahuan bermula dari buaian sehinggalah ke liang lahad melalui konsep pendidikan berterusan dan sepanjang hayat (life-long learning). Malah salah satu aspek dalam konsep pembangunan organisasi ialah para anggota organisasi seharusnya mempunyai sikap ingin berubah melalui penambahan ilmu pengetahuan yang berterusan serta kemahiran dalam diri masing-masing (Cummings & Worley, 2009).

Seseorang pemimpin yang mempunyai ilmu pengetahuan yang sempurna, mampu menjatuhkan sesuatu hukum yang berkaitan. Malah, seorang ulama Islam dari Basrah (Iraq) iaitu Imam Hasan al-Basri telah menegaskan bahawa seseorang yang bekerja tanpa perancangan seolah-olah seperti orang yang berjalan meraba-raba di jalan yang luas terbentang. Manakala orang yang bekerja tanpa tujuan lebih banyak memberi kerosakan daripada kebaikan (Fathi Yakan, 1978 dalam Yusof, 2004).

Allah SWT juga telah menetapkan bahawa orang yang berilmu sudah semestinya tidak menyamai dengan orang yang tidak berilmu. Bukan setakat itu sahaja, darjat atau kedudukan orang berilmu dan beriman juga akan dipandang mulia (Surah al-Mujadalah, ayat 11). Malah banyak ayat al-Qur'an yang menyentuh secara langsung tentang kelebihan-kelebihan orang yang berilmu (bijaksana), antaranya Surah al-Maidah, ayat 11; Surah al-Zumar, ayat 9 dan Surah al-Baqarah, ayat 269.

Oleh yang demikian, pemimpin yang berilmu akan dianggap pewaris para nabi atau penyambung risalah yang telah dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Konsep kepimpinan yang berilmu atau cendekiawan mampu melahirkan satu kepimpinan Islam yang berakhlak dan bermoral. Hal ini demikian kerana sudah semestinya seseorang ketua yang bertaqwa dan tinggi ilmunya khusus dalam bidang keagamaan tidak akan melakukan sebarang perbuatan negatif.

Sejarah Islam menunjukkan bahawa pemimpin yang jahil dalam ilmu pengetahuan khususnya aspek agama akan membawa bencana kepada rakyat. Sebagai contohnya, Khalifah Yazid ibn Muawiyah (60-64H/ 680-683M) yang memerintah selepas zaman Khulafa' Ar-Rasyidin. Beliau yang telah melakukan beberapa perkara yang jelas menyalahi akhlak dan moral yang tidak sepatutnya berlaku disebabkan kejahilannya sendiri (Mahayudin & Ahmad Jelani, 1994). Antaranya ialah:

- a. Menyerang kota Madinah al-Munawwarah dan membunuh puluhan ribu umat Islam.
- b. Menghalalkan kota Madinah kepada para tenteranya bermaharajalela selama tiga hari tiga malam.
- c. Tidak membenarkan umat Islam mengerjakan ibadat solat berjemaah dan solat Jumaat di masjid Nabawi.
- d. Menghalalkan kepada tenteranya melakukan perbuatan zina dan rogol perempuan Islam di Madinah selama tiga hari tiga malam, sehingga menyebabkan ramai perempuan mengandung dan melahirkan anak tak sah taraf.
- e. Membunuh cucu Rasulullah SAW iaitu Saidina Husain ibn Ali dengan memotong kepalanya dan juga membunuh semua keluarganya.

Situasi kejahilan ilmu dan kebejatan akhlak para pemimpin Islam bukan hanya terhenti pada zaman Khalifah Yazid sahaja, tetapi sering bertukar ganti dalam sejarah kepimpinan Islam. Sehubungan itu, Jaafar (1997) telah menjelaskan bahawa tokoh ulama' Islam terkini iaitu Yusuf al-Qaradawi berpendapat tentang penguatkuasaan undang-undang sahaja tidak mampu mengawal tingkah laku seseorang kerana ia hanya mengawal perkara-perkara zahir sahaja dan tidak mendidik hati nurani (batin) manusia. Oleh itu, Yusuf al-Qaradawi menyarankan bahawa aspek yang penting adalah peradaban sesuatu bangsa yang perlu diasaskan kepada nilai-nilai murni peribadi seseorang individu. Kesemua ini harus dijadikan pengajaran agar pemimpin masa hadapan bukan sahaja mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi, malah mempunyai nilai akhlak dan moral yang sempurna demi memimpin rakyat jelata (Idris, 1986).

## vii. Faktor Persekitaran

Persekitaran para pemimpin juga memainkan peranan yang besar ketika melaksanakan sebarang tanggungjawab yang diamanahkan. Pembentukan anggota organisasi atau Jama'ah perlulah dilakukan dalam fenomena dan persekitaran yang terkawal. Menurut al-Ghazali (1983) bahawa ajaran Islam telah menekankan konsep kebersihan dan kesihatan dalam membentuk persekitaran yang kondusif, bebas daripada sebarang gejala negatif yang akhirnya dapat melahirkan akhlak dan moral yang baik kalangan masyarakat. Malah konsep kebersihan itu sendiri dalam Islam adalah sebahagian daripada Iman.

Persekitaran terbahagi kepada dua bentuk (Ghazali Darusalam, 1997) iaitu persekitaran semulajadi (Tabi'iyah) seperti kesan sesuatu tempat yang mempengaruhi tingkah laku, budaya dan akhlak seseorang. Kemudian, persekitaran fizikal (luaran) atau Ijtima'iyah yang turut menjadi penyebab dalam mempengaruhi faktor motivasi seseorang untuk melaksanakan tugas seperti jenis tempat kerja, suasana persekitaran, peraturan, kemudahan dan sebagainya.

Faktor persekitaran ini amat mempengaruhi tindak tanduk seseorang pemimpin (Abdullah & Ainon, 2003). Walaupun pemimpin itu dilantik dan dipilih daripada kalangan individu yang berakhlak, namun sekiranya persekitarannya dipenuhi dengan keruntuhan akhlak, nescaya akhirnya beliau terpengaruh juga dengan suasana persekitaran yang negatif.

### Cabaran Melahirkan Pemimpin Berakhlak dan Bermoral yang Berkualiti

Bahagian ini membincangkan tentang cabaran bagi memastikan pemimpin Islam pada masa hadapan yang berkualiti dari aspek penekanan akhlak dan moral. Jika seseorang ketua yang tiada nilai moral atau akhlak yang rendah walaupun mempunyai kemahiran dan kecekapan yang tinggi; akhirnya tidak mampu untuk melaksanakan amanah sebaik mungkin. Oleh itu, seseorang ketua itu mestilah beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT (Ishak Mad Shah, 2006).

Pemimpin yang dituduh tidak bermoral, tiada nilai akhlak yang tinggi, terlibat dengan salah laku dan pelbagai permasalahan yang akhirnya mengganggu tugas sebagai pemimpin masyarakat. Sebagai contoh bekas presiden Amerika Syarikat yang dituduh mempunyai skandal dengan seorang perempuan, akhirnya telah ditolak oleh masyarakatnya sendiri. Oleh sebab itu, Zulkifli Khair (2009) telah mengemukakan pandangan Harussani Zakaria dalam kertas kerjanya sempena 'Seminar Kepimpinan Melayu' bahawa pemimpin boleh dikategorikan kepada dua jenis iaitu:

- a. Pemimpin yang beretika dalam menjalankan siasah ketuhanan iaitu pemimpin yang baik, sentiasa menabur jasa kepada rakyat dan masyarakat seperti para nabi. Hal ini dapat difahami melalui tafsiran ayat 26 dalam Surah Sad yang menyuruh pemimpin melaksanakan pemerintahannya secara benar mengikut al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah SAW.
- b. Pemimpin yang melaksanakan tugas secara tidak bermoral dan ingkar perintah Tuhan. Hal ini telah ditegaskan oleh Allah SWT dalam Surah al-Naml, ayat 34 yang menerangkan tentang pemerintah yang tidak berakhlak boleh mendatangkan kesan buruk kepada masyarakat keseluruhannya.

Justeru, akhlak dan moral merupakan satu asas yang sangat kukuh dengan berdasarkan kesedaran bahawa Allah SWT sentiasa melihat segala tindak tanduk yang dilakukan seseorang serta pembalasannya akan diterima pada hari akhirat kelak (Ishak Mad Shah, 2006).

Rentetan itu, beberapa tindakan yang seharusnya diambil berat oleh semua pihak khususnya dalam negara Malaysia bagi melahirkan individu yang bermoral dan berakhlak sebagai aset pimpinan masa hadapan. Tambahan pula, masyarakat masa kini sering digemparkan dengan isu-isu jenayah kolar putih seperti kes penipuan, pecah amanah, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya.

Begitu juga dengan sistem pemilihan para pemimpin yang seharusnya diteliti keberkesannya agar bersesuaian dengan konsep asal pemilihan melalui kaedah Shura yang diperkenalkan Islam. Masalah juga turut timbul dalam melahirkan kepimpinan Islam berkualiti apabila seluruh dunia amnya dan negara

Malaysia khususnya terdedah dengan cabaran globalisasi, dunia tanpa sempadan, zaman teknologi maklumat dan sebagainya yang memerlukan perubahan drastik. Mereka tidak boleh tidak perlu melakukan pembaharuan demi pembaharuan seiring dengan tuntutan semasa (Tichy & Devanna, 1990). Walau bagaimanapun, pembaharuan yang ingin dilakukan seharusnya berlandaskan ajaran Islam yang sebenar.

Cabaran seterusnya adalah pemimpin yang berakhlak dan bermoral tidak akan dapat mengurus sesebuah organisasi atau syarikat atau negara, jika sekiranya pengikut dan masyarakatnya yang telah rosak nilai moralnya. Dewasa ini, masyarakat kita sering dipengaruhi dengan pelbagai budaya Barat yang negatif sehingga membimbangkan semua pihak seperti keruntuhan moral kalangan muda-mudi, gejala Mat Rempit, tindakan meragut sehingga menyebabkan kematian, merompak, bunuh bayi yang tidak berdosa, gejala rasuah dan seumpamanya. Oleh itu, menjadi satu cabaran yang besar bagi seseorang pemimpin sama ada peringkat rendah sehinggalah ke peringkat tinggi untuk sama-sama memikirkan cara untuk membenters gejala tersebut.

## Kesimpulan

Secara tuntasnya, beberapa tindakan sewajarnya perlu diambil sama ada peringkat individu, keluarga, masyarakat atau negara Malaysia sendiri bagi memastikan kepimpinan Islam yang bakal dilahirkan pada masa hadapan mempunyai nilai akhlak dan moral yang tinggi.

Antaranya ialah bakal pemimpin yang berkualiti khususnya para remaja kini seharusnya menitikberatkan aspek pendidikan agama dan moral dalam diri masing-masing, dengan berteraskan Iman dan Tawhid yang sebenar. Setiap individu perlu memperlengkapkan diri dengan ilmu Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral yang mantap bagi menghadapi cabaran yang mendatang. Konsep J-Qaf (Pengajaran Jawi, al-Qur'an, Bahasa Arab dan Fardu Ain), KAFA (Kelas Agama dan Fardu Ain) serta kelas-kelas pendidikan moral perlu dipantau dan dipergiatkan lagi. Malah, sarjana Barat juga bersetuju bahawa pemimpin yang efektif terdiri daripada ketua yang beretika dan mampu menggunakan kuasa pengaruhnya dengan sebaik mungkin (Yukl, 2002).

Jika sekiranya generasi muda-mudi sekarang ini didedahkan secara berlebihan berkenaan dengan kebejatan dan kelonggaran nilai akhlak sama ada daripada pengaruh media massa atau media elektronik, nescaya sukar untuk melahirkan bakal pemimpin yang benar-benar berkualiti dan berketrampilan pada masa hadapan. Permasalahan ini perlu diambil perhatian sewajarnya secara holistik kerana benteng terakhir untuk menangani krisis generasi muda adalah aspek agama dan moral. Rasulullah SAW pernah menjelaskan kepada umatnya agar golongan muda dapat melengkapkan diri dengan adab susila serta memperbaiki adab masing-masing. Jadi, Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya perlu tidak melepaskan peluang untuk bertindak sebagai organisasi penting dalam pembentukan keluhuran jiwa dan emosi warga muda melalui nilai-nilai dalam sistem pendidikan merentasi kurikulum dan ko-kurikulum. Sehubungan dengan ini, Mahatma Gandhi pernah menyatakan bahawa:

*"Sesungguhnya agama dan budi pekerti keduanya bersatu, tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Keduanya tidak boleh bercerai, bersatu dan tidak dapat dibahagi-bahagikan. Agama menjadi jiwa bagi budi pekerti. Manakala budi pekerti menjadi udara bagi jiwa. Dengan kata lain; agama memberi makanan kepada budi pekerti, menumbuhkan dan menyuburkannya seperti air memberi makan kepada tanaman, menumbuhkan dan menyuburkannya" (Shaharom, 1999).*

Tambahan pula, bakal pemimpin yang ingin dilahirkan perlu diberikan pendedahan atau latihan yang secukupnya supaya dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih produktif (Noe, 2008). Setiap program latihan dan pembangunan hendaklah berteraskan ajaran Islam iaitu beribadah kepada Allah SWT sebagai khalifah-Nya melalui maksud ayat 56 dari Surah al-Zaariyat (Muhammad Nasri & Ab. Aziz, 2005). Malah, antara kepentingan latihan dan pembangunan dalam sesebuah organisasi ialah dapat meningkatkan produktiviti seseorang sama ada pemimpin ataupun pengikut, memastikan kemahiran setanding dengan perkembangan semasa, seterusnya dapat memotivasikan seseorang individu serta meningkatkan kepuasan bekerja (Nahavandi, 2000; Mumtaz Begam et al., 2002).

Di samping itu juga, kesedaran kalangan pemimpin amat diperlukan kerana ia berperanan dalam memastikan segala urusan yang dilaksanakan sama ada peringkat kecil ataupun besar disempurnakan dengan sebaik mungkin. Seseorang individu perlu membangunkan jiwa rohani dan keperibadian akhlakannya serta disepadukan dengan unsur akal dan fizikalnya (Ahmad Zabidi, 2006). Sekiranya seseorang pemimpin yang mentadbir sesuatu urusan tidak berakhlak mulia dan bermoral, sudah pasti akhirnya akan terlibat dengan gejala yang tidak diinginkan dan tidak lagi dipercayai (Kouzes & Posner, 1993).

Shriberg et al. (2005) telah mengemukakan satu 'Jadual Matriks Kepimpinan Bermoral' yang dibina berdasarkan dua dimensi asas iaitu Moral Individu dan Moral Pengurus. Seseorang individu perlu mempunyai moral dan etika yang asas terlebih dahulu sebelum menjadi pemimpin, antaranya sifat jujur, amanah, ketabahan, mengambil berat orang lain dan keadilan (Kouzes & Posner, 1993). Walau bagaimanapun, seseorang individu yang bermoral belum mencukupi untuk menjadi pemimpin yang beretika. Individu tersebut perlu bersikap sebagai pengurus yang bermoral seperti menjadi model contoh kepada orang lain, memberi ganjaran kepada subordinat serta mampu berkomunikasi secara berkesan. Kedua-dua dimensi inilah yang diperlukan untuk membentuk akhlak dan moral pemimpin yang berkualiti.

Seterusnya, kesedaran pada peringkat masyarakat itu sendiri semasa memilih seseorang pemimpin masyarakat atau negara perlulah ditekankan. Akhirnya golongan pengikut bawahan akan memilih ketua mereka dari kalangan individu yang beretika, berkemampuan dan berkualiti. Gaya kepimpinan pada masa kini juga sering dinilai oleh ahli masyarakat. Jika seorang pemimpin yang bersikap autokratik atau sukar dibawa berbincang, nescaya akan ditolak oleh masyarakat. Namun sekiranya pemimpin yang berbudi bahasa, mempunyai nilai moral yang tinggi, mesra pelanggan dan seumpamanya; sudah pasti akan dihormati dan disayangi oleh para pengikutnya (Yukl, 2002). Oleh itu, hubungan antara pemimpin dan pengikut perlu didasarkan kepada asas akhlak kemanusiaan, bertimbang rasa, bekerjasama yang tertakluk kepada hukum dan peraturan Allah SWT (Ishak Mad Shah, 2006).

Seperti yang telah maklum, pemimpin adalah contoh teladan kepada orang bawahannya. Oleh itu, pemimpin yang berkualiti harus menjaga setiap tingkah lakunya tidak kira di mana jua berada (Shriberg et al., 2005). Malah, Rasulullah SAW sendiri sebagai contoh teladan terbaik dalam kepimpinan serta tindak tanduk memimpin umatnya yang diutuskan Allah SWT untuk menyempurnakan akhlak manusia. Hasilnya, pemimpin yang menghayati lunas-lunas Islam akan bersikap dengan sifat Tawaduk (rendah diri), bersyukur, bertimbangrasa, berjiwa besar serta rendah diri (Shaharom, 1999). Fenomena ini dapat ditonton melalui ucap-tama Khalifah Abu Bakar al-Siddiq tatkala dilantik menjadi pemimpin pertama selepas Rasulullah SAW:

*"Taatlah saya selama saya mentaati Allah dan Rasul-Nya. Apabila saya menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka tidak wajib terhadap kamu mentaati saya."*

Begitu juga dengan Saidina Umar RA yang meminta umatnya memperbetulkan kesalahan beliau dengan 'pedang' (Umar al-Tilmisani, 1985).

Langkah seterusnya yang perlu dititikberatkan oleh umat Islam bagi melahirkan pemimpin berkualiti ialah pergabungan antara pemimpin negara-negara Islam seluruh dunia dari sudut kekuatan dan penyatuan pemikiran. Kesatuan ini didasari prinsip ajaran Islam sebenar dengan melupakan perbezaan fahaman politik, warna kulit, sempadan wilayah dan sebagainya supaya keunikan kepemimpinan Islam dengan yang lain dapat dipertontonkan terutamanya dari aspek ketinggian akhlak dan moral para pemimpinnya. Perbincangan melalui seminar, dialog, kolokium, konvensyen dan sebagainya perlu dipergiatkan lagi bagi membincang segala permasalahan semasa yang timbul dari aspek politik, ekonomi dan sosial.

Selain itu, penekanan dan penerapan akhlak dan nilai-nilai murni perlu diambil perhatian semula tentang keberkesanaan pelaksanaannya, selaras dengan perkembangan dan perubahan yang dialami oleh masyarakat dan kepimpinan negara kita. Seperti yang dimaklumi, beberapa dasar dan peraturan telahpun dilaksanakan oleh kerajaan demi melahirkan individu berkualiti yang mampu mengurus dan memimpin diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Antaranya ialah Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam; Bersih, Cekap dan Amanah; Etika Perkhidmatan Awam dan Konsep Perkhidmatan Cemerlang;



Kepimpinan Melalui Teladan; Gerakan Budaya Kerja Cemerlang; Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam; Tonggak Dua Belas dan Prinsip-prinsip Islam Hadhari. Malah, banyak lagi pekeliling kerajaan yang digubal dari semasa ke semasa dengan tujuan menanam semangat cintakan nilai-nilai murni dan etika yang tinggi ketika menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Terbaru ialah Konsep Satu Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia keenam adalah sebagai kesinambungan Misi Nasional dan Wawasan 2020 dengan matlamat utama untuk mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara, di samping melahirkan masyarakat berakhlak dan bermoral yang mempunyai jati diri Malaysia. Malah konsep Satu Malaysia tersebut merupakan suatu gagasan negara bagi memastikan masyarakat Malaysia pelbagai kaum dan bangsa dapat bersatu padu membangunkan negara bersama-sama pemimpin yang mengutamakan nilai-nilai murni dan akhlak Mahmudah pada setiap saat dan ketika. Malah, pengkaji turut mencadangkan kajian secara empirikal terhadap keberkesanan model kepemimpinan secara Islam harus dijalankan sama ada secara kaedah kuantitatif mahupun kualitatif, agar prinsip-prinsip tersebut dapat dikenalpasti impaknya terhadap sesebuah organisasi dengan lebih terperinci.

Kesimpulan yang ingin ditegaskan di sini ialah penekanan akhlak dan moral dalam pembentukan kepemimpinan Islam yang berkualiti menjadi satu keperluan bagi semua pihak. Jika kita sama-sama mendidik dan menjaga tingkah laku seharian bersesuaian dengan ajaran agama dan nilai moral, nescaya kehidupan masa kini dan waris kita pada masa hadapan akan terjamin dan terselamat daripada pelbagai cabaran yang mendatang.

## Rujukan

- Aziz Yusof. (2006). *Pengurusan sumber manusia: Konsep, isu dan pelaksanaan*. (Edisi ke-3). Selangor: Prentice Hall, Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Abdul Rashid Moten. (2001). *Political leadership: A comparative analysis*. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Kepimpinan Islam, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, UM.
- Abdullah b. Hassan & Ainon bt Abdullah. (2003). *Teori & teknik kepimpinan: Panduan aplikasi di tempat kerja*. KL: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Abu 'Urwah. (2004). *Sistem-sistem Islam*. Selangor: Focus Approach Sdn. Bhd.
- Ahmad Fadzli Yusof. (2007). *Mengurus kerja berpasukan*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Ahmad Ibrahim Abu Sin. (1991). *Pengurusan dalam Islam*. KL: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ahmad Zabidi Abdul Razak. (2005). *Pembangunan organisasi pendidikan yang cemerlang berasaskan ciri-ciri kepimpinan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Zabidi Abdul Razak. (2006). *Memimpin diri sendiri*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Al-Anbariy, K. A. M. (2008). *Sistem politik Islam: menurut pandangan al-quran, al-hadis & pendapat ulama salaf*. KL: Telaga Biru.
- Al-Buraey, M. (1985). *Administrative development: An Islamic perspective*. London: K.P.I.
- Al-Maududi. (t.t). *Kitab al-ahkam as-sultaniyah*. Beirut: Darul Fikri.
- Block, P. (1993). *Stewardship: Choosing service over self-interest*. San Francisco: Berret-Koehler Publisher.
- Carnall, C. A. (2003). *Managing change in organizations*. UK: Pearson Education Limited.
- Cummings, T. G. & Worley, C. G. (2009). *Organization development & change*. Canada: South-Westren CENGAGE Learning.
- Dubrin, A. J., Dalgish, C. & Miller, P. (2006). *Leadership*. (2nd ed.). Australia: John Wiley & Sons Ltd.
- El-Awa, M. S. (1991). *Sistem politik negara Islam*. KL: DBP.

- Ghazali Darusalam. (1997). *Dinamika ilmu akhlak Islamiah*. KL: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hisham al-Talib. (1992). *Panduan latihan bagi petugas Islam*. KL: Penerbit Nurin.
- Ibn Taimiyyah. (1995). *Siasah as-syar'iyah: Etika politik Islam*. Terjemahan Rofi Munawwar. Surabaya: Penerbit Risalah Gusti.
- Idris Zakaria. (1986). *Teori kenegaraan al-Farabi*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Imam Muslim. (t.t). Shahih Muslim. Terjemahan: KH Adib Bisri Musthofa. (1999). Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Insan, A. G. A. (1987). Terjemahan: Sayyid Abdul A'la al-Maududi. (t.t) *Prinsip-prinsip utama negara Islam*. Selangor: Penerbitan Hizbi.
- Ishak, M. S. (2006). *Kepimpinan & hubungan interpersonal dalam organisasi*. Skudai: Penerbit UTM.
- Jaafar, M. (1997). *Asas pengurusan*. (Edisi ke-2). Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kouzes, J. M. & Posner, B. Z. (1993). *Credibility: How leaders gain and lose it, why people demand it*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Lussier, Robert N. & Achua, Christopher F. (2007). *Effective leadership*. (3rd ed.). USA: Thomson South-Western.
- Mahayudin Hj. Yahaya & Ahmad Jelani Halimi. (1994). *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Masyur, M. (1987). *Peranan & peringatan*. KL: Pustaka Salam.
- Mohamad Tajuddin Hj. Mohamad Rasdi, Fatimah Mohamad Tajuddin & Nor Atiah Ismail. (2002). *Nilai-nilai cemerlang kepimpinan Islam*. KL: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Janib, J. (2007). *Etika profesional*. Skudai: Penerbit UTM.
- Zakaria Ahmad Mohd Tap Salleh & Syed Zulflida Syed Md Noor. (2008). *Nilai & etika dalam perkhidmatan*. KL: INTAN.
- Mohd Yusof Noor. (1990). *Kecemerlangan pentadbiran: Dasar dan amalan dalam Islam*. KL: INTAN.
- Muhammad Asad. (1987). *Sebuah kajian tentang sistem pemerintahan Islam*. Selangor: Thinker's Library Sbn. Bhd.
- Muhammad Nasri Md Hussain & Ab. Aziz Yusof. (2005). *Pengurusan sumber manusia dari perspektif Islam*. Selangor: Prentice-Hall, Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Muhyiddin Yaasin. (2009, 2 Jun). Perlunya nilai-nilai dalam pendidikan.
- Mumtaz Begam Hj. Abdul Kadir, Norasiken Bakar & Norhayatee Ismail. (2002). *Kualiti dalam pengurusan sumber manusia*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nahavandi, A. (2000). *The art and science of leadership*. (2nd ed.). New Jersey: Prentice-Hall.
- Naylor, J. (2004). *Management*. (2nd ed.). Harlow: Pearson Education.
- Noe, R. A. (2008). *Employee training & development*. (4th ed.). New York: McGraw-Hill.
- Novandri Hasan Basri. (2009, 2 Jun). Pendidikan Islam / moral tingkat jati diri. *Berita Harian*.
- Rafik Issa Beekun & Jamal Badawi. (1998). *Leadership: An Islamic perspective*.
- Razali Mat Zin. (1996). *Kepimpinan dalam pengurusan*. KL: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Robbins, S. P. & Coulter, M. (2005). *Management*. (8th ed.). USA: Pearson Education International.
- Shaharom TM Sulaiman. (1999). *Pengurusan Islam dan pembangunan manusia*. Selangor: Thinker's Library Sdn Bhd.
- Shriberg, A., Shriberg, D. L. & Kumari, R. (2005). *Practicing leadership: Principles & applications*. (3rd ed.). USA: John Wiley & Sons, Inc.
- Tichy, N. M. & Devanna, M. A. (1990). *The transformational leader*. (2nd ed.). New York: Wiley.

- Tonggak dua belas*. (2005). KL: INTAN.
- Velasquez, M. G. (2006). *Business ethics: Concepts & cases*. (6th ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Wahbah Zuhaili. (2001). *Al-qiyah al-'alam al-Islami al-hadir wal mustaqbal*. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Kepimpinan Islam, Akademi Pengajian Islam, UMKL.
- Wan Liz Ozman Wan Omar. (1997). *Pengurusan Islam abad ke-21: Revolusi pengurusan untuk keunggulan sektor awam dan korporat*. KL: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Yukl, G. (2002). *Leadership in organizations*. (5th ed.). New Jersey: Prentice-Hall International, Inc.
- Yusof Ismail. (2004). *Mengurus secara Islam: Model dan prinsip-prinsip pengurusan Islam bagi individu dan organisasi*. KL: Penerbit AS Noordeen.
- Zainuddin Zakaria & Ziadatul Hidayah Zakaria. (2007). *Kemahiran memimpin*. KL: PTS Publications & Distributors.
- Zulkifli Khair. (April 2009). *Fokus: Islam dan kepimpinan*. Selangor: Milenia Muslim. Tahun 7, Bil 80, 14 – 16.